

**BAHAGIAN A****20 MARKAH****PERANAN DAN TUGAS PEGAWAI KEJOHANAN**

**Soalan 1 - 10 :** Pilih jawapan yang tepat dan tuliskan huruf jawapan itu dalam kotak yang telah disediakan.

**Soalan 11 - 20 :** Isi ruang kosong dengan jawapan yang betul.

<b>A</b>	Wakil Organisasi	<b>G</b>	Referi Bilik Panggilan	<b>M</b>	Pengurus Teknikal
<b>B</b>	Wakil Teknikal	<b>H</b>	Referi Balapan	<b>N</b>	Penjaga Alat penyukat Angin
<b>C</b>	Wakil Perubatan	<b>I</b>	Referi Padang	<b>O</b>	Ketua Hakim
<b>D</b>	Pengarah Pertandingan	<b>J</b>	Referi Video	<b>P</b>	Ketua Pengadil
<b>E</b>	Pengurus Kejohanan	<b>K</b>	Referi Mula	<b>Q</b>	Ketua Penjaga Masa
<b>F</b>	Pengurus Persembahan Acara	<b>L</b>	Ketua Hakim Jalan Kaki	<b>R</b>	Ketua Hakim Ukur (Saintifik)

1. .... memastikan laporan persediaan sebelum dan laporan berkenaan pengendalian selepas pertandingan disempurnakan oleh penganjur.
2. Beliau merupakan orang yang bertanggungjawab dalam menyemak dan menandakan alat persendirian yang dibenarkan untuk bertanding.
3. .... memastikan maklumat mengenai atlet yang bertanding dalam sesuatu acara disampaikan kepada orang ramai.
4. Pegawai yang beroperasi dari Bilik Kawalan Video dan akan sentiasa berkomunikasi dan berunding dengan referi-refero yang lain.
5. .... boleh dalam pemerhatiannya mengetepikan keputusan seorang hakim balapan.
6. .... mempunyai kuasa mutlak membuat sebarang keputusan dalam acara Lumba Jalankaki.
7. .... berkuasa untuk mengambil tindakan terhadap atlet

dari masa mereka berada di kawasan memanaskan badan sehingga sampai di tempat pertandingan.

8. .... mempunyai kuasa untuk membuat keputusan dalam hal-hal berkaitan pelepasan jika beliau tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh pasukan pelepasan.
9. .... akan menyukat dan menentukan kelajuan angin mengikut arah larian acara yang ditugaskan.
10. Jika alat pengukur jarak elektronik atau video digunakan pertandingan, seorang ..... dan beberapa orang pembantunya hendaklah dilantik.
11. Penyelarasan dan pengagihan tugas kepada hakim balapan atau padang adalah tanggungjawab.....
12. Pegawai yang menghakimi, mengukur dan merekod setiap percubaan sah peserta bagi acara padang ialah .....
13. Pegawai yang memastikan peserta-peserta memakai pakaian dan bib peserta yang betul serta bersedia membawa peserta ke kawasan pertandingan  
.....
14. Sebarang rekod bacaan tentang kelajuan angin akan ditandatangani oleh pegawai berkenaan dan sampaikan keputusan itu kepada :  
.....
15. Keputusan asal yang silap dibuat oleh seorang ..... boleh dikaji semula dan diubah asalkan keputusan itu boleh lagi diaplikasikan.

- 16. Pegawai yang bertanggungjawab untuk menyelia zon-zon pertukaran baton dalam perlumbaan lari berganti-ganti ialah :**

.....

- 17. Apabila Sistem Foto Penamat Automatik sepenuhnya digunakan, seorang**

..... dan pembantu  
secukupnya hendaklah dilantik.

- 18. ..... hendaklah mencatatkan masa setiap pusingan yang dibuat oleh atlet-atlet yang dipertanggungjawabkan kepadanya dalam perlumbaan 5000m dan lebih, dan acara Lumba Jalan kaki.**

- 19. Atas permintaan penganjur, ..... akan mempengerusikan mesyuarat teknikal dan hendaklah memberi taklimat kepada semua pegawai teknikal.**

- 20. ..... hendaklah menentukan tiada barang-barang yang tidak dibenarkan dibawa masuk ke arena.**

**BAHAGIAN B****20 MARKAH****PERATURAN-PERATURAN AM & ACARA BALAPAN**

**Soalan 1 – 10** Pilih jawapan yang tepat dan tuliskan huruf jawapan itu dalam kotak yang telah disediakan.

**Soalan 11 – 20** Isi ruang kosong dengan jawapan yang betul.

1. Semasa bertanding diKejohanan Dunia, Atlet berkecuali akan memakai pakaian yang diluluskan oleh .....

A. Penganjur Kejohanan

B. IAAF

C. Persatuan Kebangsaan

D. Penaja

2. Tebal maksimum garisan permulaan dan garisan penamat untuk acara yang dijalankan di luar stadium ialah ..... sm.

A. 5

C. 10

C. 20

D. 30

3. Terdapat 15 orang atlet mengambil bahagian dalam perlumbaan 5000m. Mereka akan dilepaskan serentak dalam dua kumpulan. Berapakah bilangan atlet untuk kumpulan satu dan kumpulan dua masing-masing?

A. 10 dan 5

B. 6 dan 9

C. 7 dan 8

D. 8 dan 7

4. Ukuran maksimum penanda bantuan untuk acara Lari Berganti-ganti ialah

A. 3 sm X 40 sm

B. 4 sm X 30 sm

C. 5 sm X 40sm

D. 5 sm X 50 sm

5. Dalam acara 3000m Lari Berhalangan, setiap pusingan penuh mesti mempunyai 5 lompatan dengan lompatan air sebagai lompatan yang ke .....  
A. 2 B. 3  
C. 4 D. 5

6. Berikut adalah dianggap melakukan kesalahan tentang penggunaan blok mula kecuali  
A. Blok tidak tertindih garisan permulaan B. Blok terjulur ke lorong lain  
C. Bahagian ekor blok mengatasi garisan luar lorong D. Permukaan plat penahan yang berlubang-lubang

7. Terdapat 37 orang peserta dalam acara 400m. Nyatakan bilangan saringan.  
A. 3 B. 4  
C. 5 D. 6

8. Dalam perlumbaan Marathon, masa ditunjuk 2:09.44.32 hendaklah direkodkan sebagai .....  
A. 2:09.44.4 B. 2:09.45  
C. 2:09.44 D. 2:09.50

9. Peringkat separuh akhir acara 800m tamat pada jam 10.15 pagi. Peringkat akhirnya boleh dimulakan pada jam .....  
A. 11.45 pagi B. 11.15 pagi  
C. 11.30 pagi D. 2.00 petang

10. Zon pertukaran sepanjang 30m adalah untuk acara-acara berikut sepenuhnya atau sebahagiannya kecuali  
A. 4 X 100m B. 4 X 200m  
C. 4 X 400m D. Lari Berganti-ganti Medley

11. Bagi acara 400m lari berpagar, setiap lorong hendaklah mengandungi ..... set pagar.
12. Dalam acara 200m, halaju angin disukat sebaik sahaja atlet pertama memasuki ..... .
13. Alat penyukat angin bagi acara balapan hendaklah diletakkan di sisi bahagian lurus balapan bersebelahan lorong 1 dan ..... meter dari garisan penamat.
14. Dalam acara 3000m lari berhalangan setiap pusingan penuh mesti mempunyai 5 lompatan dengan lompatan air sebagai lompatan yang ke ..... .
15. Stesyen persegaran, air dan pembasahan akan disediakan oleh penganjur bagi acara balapan yang jaraknya lebih dari ..... .
16. Bilangan pepaku dibenarkan di tapak kasut tidak boleh melebihi.....batang
17. Jarak perlumbaan hendaklah diukur dari tepi belakang garisan permulaan sehingga ..... .
18. Apakah maksud salah mula.  
.....
19. Dalam acara 4 X 400m, pelari ketiga akan ditempatkan mengikut urutan kedudukan pasukan mereka apabila pelari yang mendatang melepasi ..... .
20. Se orang pengadil akan mengangkat bendera .....  
Jika dia melihat sesuatu kesalahan.

## **BAHAGIAN C**

**20 MARKAH**

### **PERATURAN-PERATURAN AM & ACARA PADANG**

**Soalan 1 – 10**      **Pilih jawapan yang tepat dan tuliskan huruf jawapan itu dalam kotak yang telah disediakan.**

**Soalan 11 – 20**      **Isi ruang kosong dengan jawapan yang betul.**

**1.**    Acara padang yang manakah atlet dibenarkan meletak penanda di dalam landas lari ?

- A.    Lompat Jauh
- B.    Lompat Kijang
- C.    Lompat Tinggi
- D.    Lompat Bergalah

**2.**    Apakah tujuan utama Sarung Angin diletakkan berhampiran tapak pertandingan acara Lompat Jauh ?

- A.    Membantu atlet melompat lebih jauh.
- B.    Membantu atlet mengetahui secara kasar kekuatan dan arah tiupan angin.
- C.    Membantu atlet menentukan jarak lonjakan.
- D.    Membantu atlet memulakan lompatan pada masa yang tepat.

**3.**    Dalam acara Lontar Peluru, bilakah atlet dianggap sudah menamatkan lontaran ?

- A.    Sebaik sahaja peluru sudah mendarat.
- B.    Sebaik peluru keluar daripada genggaman atlet.
- C.    Sebaik kedua-dua kaki mencecah lantai belakang separuh bulatan.
- D.    Apabila atlet sudah melangkah keluar melalui separuh bulatan belakang.

**4.**    Dalam acara Membaling Tukul Besi, setelah tempoh masa untuk membuat percubaan dimulakan, atlet terlibat memutus untuk tidak mahu membuat percubaan tersebut. Apakah keputusan anda ?

- A.    Percubaan itu dikira gagal.
- B.    Atlet itu diberi percubaan gantian.
- C.    Atlet itu diberi amaran.

- D. Atlet dibenarkan berbuat demikian.
5. Apabila terdapat 8 orang atlet yang bertanding dalam acara Lompat Kijang, masa untuk membuat percubaan pada permulaan pertandingan adalah .....  
A. 1 minit  
B. 0.5 minit  
C. 2 minit  
D. 1.5 minit
6. Dalam acara Lompat Tinggi, pertandingan Lompatan Sisih dijalankan untuk .....  
A. Untuk menyingkirkan atlet yang seri bagi tempat kelapan.  
B. Untuk menentukan pemenang.  
C. Untuk memilih 12 orang atlet peringkat akhir.  
D. Untuk menentukan giliran percubaan.
7. Untuk membantu atlet supaya tidak tersentuh kawasan melepas satah tegak sama ada di luar atau di antara tiang dalam acara Lompat Tinggi, satu garisan putih setebal 5 sm dibuat di luar kedua-dua tiang. Berapakah panjang garisan itu ?  
A. 5 sm  
B. 50 sm  
C. 3 m  
D. 30 sm
8. Palang Lompat Bergalah diwarnakan kerana .....  
A. mengelak palang berkarat.  
B. mudah dilihat oleh Hakim Ukur Elektronik.  
C. mudah membezakan antara palang Lompat Tinggi dan Lompat Bergalah.  
D. mudah dilihat oleh atlet.

**9. Apakah harus dilakukan kiranya tiada seorang atlet pun yang melepas Tahap Kelayakan dalam pertandingan kelayakan acara Lempar Cakera ?**

- A. Memilih atlet berdasarkan pencapaian terbaik yang direkodkan.
- B. Membatalkan pertandingan seterusnya.
- C. Diadakan semula Pertandingan Kelayakan.
- D. Semua peserta diberi satu percubaan tambahan.

**10. Dalam acara Lompat Bergalah selain daripada penanda yang diletakkan oleh atlet-atlet, penanda-penanda tambahan diletakkan di sisi landas lari dari 2.5 meter hingga 5.0 meter untuk**

- .....
- A. membantu rakaman video.
  - B. membantu Referi mengikuti pergerakan atlet.
  - C. membantu atlet-atlet menentukan tempat lonjakan.
  - D. membantu Hakim dalam pergerakan tiang.

**11. Apabila hanya tinggal seorang atlet dan beliau mencuba melompat ketinggian untuk Rekod Kejohanan, had masa untuk membuat setiap percubaan adalah**

.....

**12. Dalam acara Lompat Jauh terdapat enam orang yang bertanding. Bilangan percubaan yang diberi kepada setiap orang peserta adalah**

.....

**13. Dalam Lompat Jauh, giliran percubaan atlet diubah selepas tiga percubaan pertama dan perubahan giliran itu dipanggil .....**

.....

**14. Lebar maksimum kawasan mendarat untuk acara Lompat Jauh disarankan untuk menjadikan 3.50 meter kerana**

.....

.....

15. Alat Penyukat Angin diletakkan sejauh .....meter dari garisan lonjak.
16. Seorang Hakim dalam pertandingan acara Lompat Kijang mengangkat bendera merah untuk .....
- .....
- .....
17. Penggunaan peranti (taping) di jari dibenarkan dalam acara Lontar Peluru dengan syarat
- .....
- .....
18. Dalam acara Lempar Cakera seorang atlet boleh memberhentikan percubaannya, meletakkan cakera di luar bulatan kemudian memulakan semula percubaan dengan syarat
- .....
- .....
19. Kurungan diwajibkan dalam acara Membaling Tukul Besi untuk .....
- .....
- .....
20. Sekiranya dawai tukul besi terputus ketika berada di udara. Apakah Keputusan Referi
- .....

**BAHAGIAN D****20 MARKAH****ACARA CAMPURAN / ACARA JALAN KAKI / PERLUMBAAN  
JALANRAYA / MERENTAS DESA**

**Soalan 1 - 10 :** Pilih jawapan yang tepat dan tuliskan jawapan di dalam kotak yang disediakan.

**Soalan 11 - 20 :** Isi ruang kosong dengan jawapan yang betul.

1. Masa yang tercatat bagi acara Marathon ialah 2:31:19.9s. Masa rasmi ialah

A. 2:31:19.9s

B. 2:31:20s

C. 2:32min

D. 2:31min

2. Dalam semua acara balingan Heptathlon, setiap peserta diberi \_\_\_\_\_ percubaan.

A. 3

B. 4

C. 5

D. 6

3. Berapakah stesen persegaran yang perlu disediakan sepanjang laluan acara Separuh Marathon?

A. 2

B. 4

C. 3

D. 6

4. Untuk perlumbaan Merentas Desa, dicadangkan supaya laluan mempunyai Kelebaran \_\_\_\_\_ meter.

A. 1.22

B. 1.25

C. 5

D. 10

5. Berapakah acara balapan yang terdapat dalam acara Dekathlon?

A. 4

B. 6

C. 7

D. 10

6. Pegawai yang berkuasa untuk menyingkir seorang lumba acara Jalan Kaki atas kesalahan teknik berjalan ialah \_\_\_\_\_

A. Hakim Jalan Kaki

B. Referi

C. Ketua Hakim Jalan Kaki

D. Ketua Pengadil

7. Dalam acara Merentas Desa berpasukan, atlet-atlet setiap pasukan akan beratur \_\_\_\_\_

A. belakang satu sama lain

B. sepanjang garisan permulaan

C. dalam dua barisan

D. secara bebas

8. Dalam perlumbaan lebuhraya, seseorang pelumba boleh meninggalkan jalan atau Trek dengan kebenaran dan dibawah pengawasan seorang \_\_\_\_\_.

A. hakim

B. pengadil

C. pengurus kejohanan

D. wakil teknikal

9. Diantara jarak berikut yang mana bukan jarak rasmi bagi Lumba Jalankaki?

A. 10 km

B. 3 km

C. 20 km

D. 5 km

**10. Berapakah bilangan minima Hakim Jalan Kaki termasuk ketua hakim diperlukan untuk acara 20km Jalan Kaki?**

A. 6

B. 7

C. 8

D. 9

**UNTUK SOALAN 11 HINGGA 14 SILA LENGKAPKAN JADUAL BERIKUT**

**ACARA MERENTAS DESA**

Kategori	Jarak
Lelaki	(11)
(12)	4 Km
(13)	8 Km
U20 Wanita	(14)

**15. Masa rehat selama ..... minit akan diberi di antara masa selasai satu acara dan bermulanya acara berikut bagi acara campuran.**

**16. Pegawai Teknikal yang dilantik di pusat persegaran, hanya boleh menghulurkan persegaran tersebut kepada peserta-peserta dari .....**

.....

**17. Apakah langkah yang digunakan untuk menyelesaikan seri dalam acara bercampur?**

.....

.....

- 18. Bagi acara Lompat Tinggi dalam acara campuran, kenaikan palang adalah**

.....sm

- 19. Dalam perlumbaan Jalan Kaki, terangkan bagaimana teguran disampaikan kepada eorang peserta yang tidak mengikuti peraturan Jalan Kaki?**

.....

.....

- 20. Dalam Larian Denai, semasa permulaan sekiranya terdapat bilangan peserta yang ramai apakah amaran patut dibuat sebelum bermula ?**

.....

.....

## **BAHAGIAN E**

**20 MARKAH**

### **ASPEK PRAKTIKAL**

- 1. Catatkan masa rasmi untuk acara-acara berikut dalam ruang yang disediakan. Semua masa berikut direkodkan dengan menggunakan jam digital.**

ACARA	JAM 1	JAM 2	JAM 3	MASA RASMI
100 m	11.40	11.51	11.49	
200 m	24.92	24.72	24.78	

<b>400 m</b>	<b>48.10</b>	<b>48.02</b>	<b>48.16</b>	
<b>1500 m</b>	<b>3:50.87</b>	<b>4:03.49</b>	<b>4:03.46</b>	
<b>10 000 m</b>	<b>30:40.19</b>	<b>30:40.12</b>	<b>30:40.21</b>	
<b>20 Km. J. Kaki</b>	<b>1:40:59.6</b>	<b>1:41:58.1</b>	<b>1:40:58.9</b>	
<b>4 X 100 m</b>	<b>45.37</b>	<b>45.42</b>	<b>45.48</b>	
<b>4 X 400 m</b>	<b>4:37.83</b>	<b>4:37.62</b>	<b>4:37.90</b>	
<b>110 m L. Pagar</b>	<b>14.81</b>	<b>14.79</b>	<b>14.88</b>	
<b>½ Marathon</b>	<b>1:50:41.5</b>	<b>1:50:42.7</b>	<b>-</b>	

( 5 markah)

- 2 Di bawah ini diberi Kad Keputusan acara Lompat Tinggi. Tentukan kedudukan peserta-peserta.

No.	Nama Peserta	Ketinggian (meter)							Kegagalan	Kedudukan
		1.50	1.55	1.60	1.63	1.66	1.69	1.71		
1.	Nur Fazlina	o	o	xxo	xxo	o	xxx			
2.	Nur Liyana	o	xo	xxo	xxo	xxo	xxx			
3.	Wong Boon Syian	-	o	xo	xxo	o	xxo	xxx		
4.	Fatimah	-	o	xo	o	o	xxo	xxx		
5.	Judy	o	-	xo	xxo	xo	xxx			

(5 markah)

3. Berapakah jangkamasa halaju angin disukat bagi acara-acara berikut

A . 100m	
B. 110m Lari Berpagar	
C. 200m	
D. Lompat Kijang	
E. Lompat Jauh	

**5 markah**

4. Dalam rajah balapan yang diberi, tandakan di tempat yang betul dan labelkan dengan huruf huruf yang berkaitan bagi kenyataan-kenyataan di bawah ini.

- (A) Garisan potong masuk bagi acara 800m.
- (B) Garisan berkumpul untuk permulaan acara 110 Lari Berpagar
- (C) Kedudukan alat penyukat angin bagi acara 200m.
- (D) Tempat tetingkat bagi Penjaga Masa
- (E) Nomborkan lorong-lorong larian.
- (G) Garisan permulaan bagi acara 1500m.

**5 markah**

